



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
26 MEI 2019 (AHAD)			
1.	<u>Small businesses bear the brunt in Malaysia's war against single-use plastic</u>	Channel News Asia	Klik pada tajuk berita
2.	<u>Kilang lepassi ulasan teknikal JAS</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 1
25 MEI 2019 (SABTU)			
3.	<u>Panel to resolve river issues</u>	The Star	Rujuk lampiran 2
4.	<u>Kesan system rantaian makanan</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 3
5.	<u>Govt pleased with Lynas' plans to move initial ore processing out of Malaysia</u>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
6.	<u>Go solar and save on your electricity bill</u>	Edge Prop	Klik pada tajuk berita
7.	<u>China's ban on waste imports is forcing a rethink</u>	Sustainability Times	Klik pada tajuk berita
8.	<u>The recycling con game</u>	Plastic in Packaging	Klik pada tajuk berita



TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
26 MEI 2019 (AHAD)			
9.	<u>Semak bil meter pintar di TNB Banda Kaba mulai Selasa ini</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
10.	<u>Pemeriksaan kenderaan secara sukarela percuma sempena Aidilfitri</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
11.	<u>Destinasi Musim Sejuk Tersempurna</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 4
25 MEI 2019 (SABTU)			
12.	<u>TNB jelaskan bil elektrik dibayar ikut bacaan meter</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
13.	<u>Forging new paths with creative STEM</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
14.	<u>SEB: Pan Borneo works caused unplanned power disruptions</u>	Borneo Post	Klik pada tajuk berita
15.	<u>Ampang Jaya kawasan lambakan sisa plastik?</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 5
16.	<u>Pejuang rakyat, alam sekitar</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 6
17.	<u>Here's how we keep our jobs when robots take over</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 7
18.	<u>Businesses Play Big Role in Fighting Climate Change</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 8



ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
26 MEI 2019 (AHAD)			
19.	<u>DOST calls for more BIST applications</u>	Sunstar.com.ph	Klik pada tajuk berita
20.	<u>Strong earthquake rattles north Peru</u>	Menafn.com	Klik pada tajuk berita
21.	<u>Teens vow to keep up climate strikes</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 9
25 MEI 2019 (SABTU)			
22.	<u>Gempa sederhana landa Jepun</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
23.	<u>Gempa gegar lokasi Donald Trump, Abe Shinzo dijadual bermain golf</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
24.	<u>Three killed as storms rake Missouri</u>	The Star	Rujuk lampiran 10
25.	<u>SpaceX lancer roket bawa 60 satelit kecil</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 11
26.	<u>America's most hazardous volcano</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 12

LAMPIRAN 1
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 14
TARIKH: 26 MEI 2019 (AHAD)

Kilang lepasi ulasan teknikal JAS

SEPANG 26 Mei - Pengeluaran permit sementara selama enam bulan kepada kilang memproses sisa plastik di Sungai Pelek di sini adalah selepas syarikat itu melepasi ulasan teknikal daripada **Jabatan Alam Sekitar (JAS)** pada 5 April lalu.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), Mohd. Fauzi Mohd. Yatim berkata, ulasan teknikal itu telah menjelaskan bahawa kilang itu dibenarkan untuk beroperasi semula dalam tempoh enam bulan.

Sehubungan itu, menurutnya, permit tersebut dikeluarkan MPSepang selepas mendapat laporan daripada JAS bahawa kilang tersebut telah memasang alat kawalan pencemaran udara dan membina sistem pengolahan efluen seperti yang dikehendaki mengikut Akta Alam Sekeliling 1974.

“MPSepang mengeluarkan permit itu berdasarkan ulasan JAS, justeru penduduk setempat tidak perlu kluatir dengan tahap keselamatan kilang tersebut kerana JAS terlebih

dahulu telah memberi lampu hijau agar ia beroperasi.

“Kita sudah tentu akan menitikberatkan aspek alam sekitar sebelum membuat sebarang keputusan dan tidak akan se-wenang-wenangnya mengeluarkan permit terhadap kilang itu tanpa sebarang siasatan daripada JAS terlebih dahulu,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Mohd. Fauzi menjelaskan, selain ulasan teknikal JAS, MPSepang juga telah menetapkan syarat agar kilang itu perlu menyediakan laporan kajian impak alam sekitar (EIA) dalam tempoh enam bulan.

Jelasnya, dalam tempoh itu, kilang itu perlu membuktikan bahawa operasi mereka tidak mencemarkan sungai dan udara di kawasan tersebut.

“Selepas isu ini kembali dibangkitkan oleh penduduk, kita akan mendapatkan ulasan teknikal terkini daripada JAS dalam mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MPSepang yang akan diadakan dalam masa terdekat,” katanya.

LAMPIRAN 2
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 15
TARIKH: 25 MEI 2019 (SABTU)

Panel to resolve river issues

CM: Committee will ensure pollution won't recur along Sg Melaka

JASIN: The state government will set up a special committee to investigate pollution and ensure it does not recur along Sungai Melaka.

Chief Minister Adly Zahari said the priority for the committee, led by the Sungai Melaka and Coastal Development Corporation, would be to find out what caused the death of hundreds of fish and why the Sungai Melaka water turned blackish.

"So far, what we have identified is that the meeting of freshwater and saltwater from the sea caused the fish to die. This phenomenon also occurred in 2015," he told reporters after opening the Ramadan Inspiration programme organised by the state-level Islamic Economic Development Foundation (YaPEIM) Melaka in Merlimau here yesterday.

Adly said Sungai Melaka was a tourist area and hoped that the committee would come up with long-term measures to ensure the quality of the river remains good.

He said the committee would also discuss the main measures to control the influx of water through an enhanced barrage system and ensure better river management in future.

He also said the long period of unreleased water at the Batu Hampar dam could be a reason for the river's discoloration.

"However, we believe the situation will be back to normal when it rains," he said, adding that the Melaka River Cruise boat service



Hello there: Adly greeting children during the Ramadan Inspiration programme organised by YaPEIM at Al-Muttaqin Mosque in Kampung Tedong, Merlimau. — Bernama

would continue.

Adly said the barrage system problem in the river could be solved if the RM15mil application was approved by the Water, Land and Natural Resources Ministry.

On Monday, it was reported that the state government wanted the

Melaka Department of Environment to investigate the reason for the river turning dark and emitting a foul smell.

Meanwhile, at the same event, YaPEIM board member Mokhtar Ramli said a total of RM168,500 was allocated to the foundation to assist

1,600 disadvantaged adults and children in Melaka for the Ramadan Inspiration programme this year.

YaPEIM also allocated RM2.5mil to be distributed to 14,000 recipients nationwide, including orphans and the underprivileged. — Bernama

LAMPIRAN 3
BERITA HARIAN (SIHAT): MUKA SURAT 70
TARIKH: 25 MEI 2019 (SABTU)

Kesan sistem rantaian makanan

➔ Harga makanan sihat, tinggi nutrien semakin membebankan

Oleh **Nor Hatina Shuib**
hatina@bh.com.my

Perubahan sistem rantaian makanan dunia turut menyumbang kepada perubahan ekosistem global menjadi tidak seimbang.

Kesannya dirasai berikutan kenaikan harga makanan berkhasiat menjadi lebih mahal hanya mampu dinikmati mereka berkemampuan.

Cabaran sama turut dirasai negara ini ialah dengan memastikan pelbagai lapisan masyarakat mendapat akses sama rata kepada makanan berkhasiat yang tinggi nutrien.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, **Isnaraissah Munirah Majilis**, berkata makanan


paling murah dan mudah didapati adalah yang berkalori dan makanan segera.

Beliau berkata, makanan berkhasiat, tinggi nutrien dan zat yang diperlukan oleh badan yang sihat pula ditawarkan pada harga yang sungguh membebankan.

Undang penyakit

Pengambilan makanan tinggi lemak secara berlebihan menyumbang kenaikan berat badan berlebihan hingga mengundang pelbagai penyakit bahaya antaranya jantung dan obesiti.

"Usaha meningkatkan pengambilan makanan kaya nutrien penting bagi menangani masalah kekurangan zat makanan, terutama dalam kalangan kanak-kanak pada peringkat awal proses tumesaran mereka," katanya.



Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Perkembangan Pengalaman anjuran NamZ, di sini, baru-baru ini.

Yang hadir sama, perintis Nutritional Paradox, Christoph Langwallner.

Isnaraissah Munirah berkata, kajian menunjukkan pengambilan makanan berkhasiat mempunyai kaitan dengan pengurangan risiko makan secara berlebihan dan menghidap penyakit bahaya antaranya diabetes.

Katanya, negara memerlukan lebih banyak program meningkatkan kesedaran pentingnya mengambil sajian seimbang kaya vitamin dan tinggi serat bagi mengurangkan masalah berat badan berlebihan yang membawa risiko diabetes dan jantung pada usia muda.

Info



Masalah obesiti di Malaysia

➔ **Obesiti dalam kalangan dewasa** di Malaysia melebihi 18 tahun adalah 17.7 peratus pada 2015 (Kajian Kesihatan dan Morbiditi Nasional (NHMS 2015))
➔ **Kanak-kanak di bawah 18 tahun** dilaporkan sebagai 11.9 peratus mengalami obesiti.

➔ **Kumpulan ini terdedah kepada** penyakit tidak berjangkit iaitu:

- Gangguan kardiovaskular
- Diabetes
- Batu hempedu
- Kanser

➔ **Kos penjagaan kesihatan berkaitan obesiti** di negara ini tertinggi di ASEAN

dengan kadar 19 peratus daripada perbelanjaan penjagaan kesihatan negara
➔ **Program tingkat kesedaran** kurangkan pengambilan makanan berminyak, berlemak dan tingkatkan pengambilan serat, buah-buahan dan sayur-sayuran.

SUMBER: PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO)

LAMPIRAN 4
HARIAN METRO (XPRESI): MUKA SURAT 57
TARIKH: 26 MEI 2019 (AHAD)

26 MEI 2019 ••
DESTINASI MUSIM SEJUK TERSEMPURNA

Suliat Asri
suliat@hmetro.com.my

Musim sejuk sering dikaitkan dengan aktiviti bermain salji dan kebanyakan ibu bapa cenderung membawa anak-anak mereka bercuti di negara salji.

Walau ia cukup menyeronokkan, namun bercuti dengan cuaca yang sangat sejuk boleh mendatangkan ketidakselesaan.

Justeru, jika inginkan percutian musim sejuk yang sempurna dan penuh dengan aktiviti luar yang menyeronokkan, penerbangan AirAsia terus ke Gold Coast empat kali seminggu dengan harga terhebat pasti merealisasikan percutian impian anda sekeluarga.

Menariknya, bagi pemegang kad keahlian BIG, harga tiket promosi ekonomi sehalu bermula pada RM399 atau Premium Flatbed pada RMI,590. Untuk lebih penjimatan, pakej promosi dengan penerbangan, bilik hotel untuk 5 hari 4 malam dan cukai hanya dari RMI,799 seorang (hotel dari RMI69 semalam).

CUACA INDAH MUSIM SEJUK

Dengan suhu antara 21.5°C pada waktu siang dan 12.5°C pada sebelah malam, tiada lagi pakaian musim sejuk yang berat dan berlapis-lapis tatkala bercuti di Gold Coast.

Percutian itu juga memberi peluang kepada anda meraih kedinginan musim sejuk tetapi dengan langit membiru persis musim luruh. Malah, cuaca ketika itu juga biasanya kering, justeru tidak akan ada hujan yang mungkin boleh



PELAYARAN melihat ikan paus di Gold Coast memberikan keterujaan buat anda sekeluarga.

membataskan percutian anda sekeluarga.

MUSIM SEJUK PETANDA ISTIMEWA DI GOLD COAST

Gold Coast sememangnya terkenal sebagai salah satu lokasi melihat ikan paus di Australia. Oleh itu, musim sejuk di sini sangat istimewa kerana ketika itu bermulanya penghijrahan ikan paus dari lun hingga Oktober atau November.

Menariknya, anda boleh melihat ikan paus dengan lebih dekat kerana ia akan berada di satu atau dua kilometer di luar pantai. Ingin lebih dekat lagi, ikuti pelayaran melihat ikan paus menerusi Whales In Paradise yang berlepas dari tengah bandar Gold Coast pasti memberikan keterujaan buat anda sekeluarga.

Dengan 100 peratus Guaranteed Gold Coast Whale Sightings, anda boleh mengikuti kembali pelayaran ini secara PERCUMA untuk melihat ikan paus jika tidak melihatnya dalam lawatan anda.

Satu lagi lokasi menarik untuk melihat ikan paus berdekatan bandar Gold Coast adalah di Moreton Bay di mana anda boleh menyertai pelayaran yang ditawarkan Tangalooma Island Resort Whale Watching Cruise.

SUASANA MENARIK MENANTI DI FARM STAYS

Ingin merasai kedamaian dan lari dari hiruk-piruk kota dan pada waktu sama memberi peluang kepada si kecil melihat pelbagai jenis haiwan yang bebas berkelah di dalam persekitaran semula jadi?

Memandu ke luar dari bandar Gold Coast selama 120 minit untuk menikmati pemandangan ladang yang luas terbentang pasti memenuhi keinginan anda sekeluarga.

Selain disajikan dengan persekitaran alam semula jadi yang menegangkan, anda serta anak-anak berpeluang menyelami sendiri kehidupan di ladang serta penginapan lengkap dengan pelbagai aktiviti menarik yang disediakan.

Aktiviti menunggang kuda, memerah susu lembu, memberi makan ayam dan barbeku dengan penuh bergaya juga pasti membuatkan anda dan anak-anak sibuk sepanjang hari.

Melakukan lawatan khas dengan 4WD di taman negara atau sesi interaktif dan pendidikan dengan haiwan yang menjadi simbol Australia juga menanti dengan keterujaan tersendiri.

Untuk percutian ladang, disyorkan menginap di

Cedar Glen Farmstay iaitu bersebelahan Taman Negara Lamington yang memberi pengalaman sebenar dan pemandangan hebat. Kunjungi ke Worendo Farm juga nyata tidak mengecewakan.

KUNJUNGAN KE TAMAN HIDUPAN LIAR YANG MENGAGUMKAN

Menambahkan keterujaan percutian musim sejuk di Gold Coast, Currumbin Wildlife Sanctuary yang terletak di Queensland's adalah lokasi wajib dikunjungi kerana ia adalah rumah kepada populasi besar kanggaru merah dan kelabu serta melihat koala.

Di sini, pelbagai aktiviti dan program selama lebih kurang setengah hari yang cukup menyeronokkan menanti termasuklah memberi burung lorikeet dan burung undan makan.

Anda juga boleh menonten persembahan mencuit hati di Free Flight Bird Show yang diadakan dua kali sehari iaitu pada 11.15 pagi dan 2.30 petang bagi menyaksikan sendiri aksi burung-burung yang menghiburkan.

Di akhir persembahan nanti, jangan lepaskan peluang bergambar bersama haiwan yang comel dan berwarna-warni itu. Bergambar bersama Koala sebelum meninggalkan Currumbin Wildlife Sanctuary juga adalah satu kemestian kerana Queensland adalah salah satu daripada dua negeri di Australia yang memberi peluang kepada pengunjung memeluk serta mengambil gambar bersama beruang Koala yang comel itu.

CHARIS SEAFOOD JANJIKAN KEENAKAN MAKANAN LAUT SEGAR

Puas melakukan pelbagai aktiviti, menikmati keenakan makanan laut yang segar sebagai penengkap hari yang indah.

Bagi penggemar makanan laut, jangan lepaskan peluang berkunjung ke Charis Seafood, pembekal makanan laut segar terbesar di Gold Coast. Terletak di Harley Park, Charis Seafood menawarkan pelbagai jenis ikan segar, udang, tiram, kerang, sotong, ketam dan udang kara.

Ketika menjamu selera di situ, jangan lepaskan peluang melihat Pelican atau burung undan diberi makan setiap hari pada 1.30 tengah hari dan anda disyorkan datang awal.

Dapatkan bakul makanan laut atau tiram segar dari Charis Seafood Restaurant dan lihat sendiri burung undan berkumpul sebelum waktu makan.

LAWATI PULAU PASIR KETIGA TERBESAR DI DUNIA, PULAU MORETON YANG MENAKJUBKAN

Jika anda mencari pulau percutian yang menawarkan

pelbagai aktiviti menarik seperti gelongsor pastr, memandu ATQ Quad, snorkeling dan memberi ikan lumba-lumba liar makan, Tangalooma Island Resort di Pulau Moreton adalah tempatnya.

Meninjau di resort ini cukup mendamalkan selain menawarkan aktiviti tersendiri terdengar buat anda sekeluarga dengan pasir atau hanya bersantai di tepi pantai.

Menambahkan keterujaan, memberi ikan lumba-lumba liar makan di sini pasti meninggalkan kenangan tersendiri buat anda sekeluarga kerana Tangalooma menjadi lokasi haiwan itu mencari makanan sejak 1990 lagi.

Walaupun bercuti di musim sejuk, tetapi anda bebas melakukan pelbagai aktiviti luar yang mengujakan. Itulah keunikan dan keseronokan yang dijanjikan Gold Coast buat anda.

Tempah tiket penerbangan di www.airasia.com hingga 23 Jun ini dan penerbangan ke Gold Coast bermula sekarang sehingga 30 November 2019 untuk pengalaman penuh bermakna ini. Maklumat lanjut, layari www.airasia.com.



FARM Stays memberi peluang kepada anak-anak menyelami sendiri kehidupan di ladang.

LAMPIRAN 5

UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 17

TARIKH: 25 MEI 2019 (SABTU)

Ampang Jaya kawasan lambakan sisa plastik?

SAUDARA PENGARANG,

NEGARA kita sudah menjadi terkenal di seluruh dunia pada 2018 sebagai pengimport sisa plastik yang terbesar di dunia. Ini berdasarkan laporan *The Edge Malaysia Weekly* pada 25 Februari lalu mendedahkan Malaysia mengimport 157,299 tan sisa plastik, iaitu peningkatan 273% jika dibandingkan pada 2017.

Tahun pertama era pemerintahan Pakatan Harapan (PH) telah membuktikan kerajaan baharu tidak memberikan keutamaan kepada masalah alam sekitar.

Pada akhir 2018, kerajaan PH telah memaklumkan sidang Dewan Rakyat bahawa perniagaan pemrosesan sisa plastik adalah industri bernilai RM30 bilion yang tidak boleh diabaikan. Ini membuktikan kerajaan PH lebih mementingkan keuntungan berbanding menjaga alam sekitar.

Dalam pada itu, baru-baru ini Dewan Pemuda Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan) menerima bantahan daripada penduduk di kawasan Ampang Jaya, Selangor, yang tidak bersetuju dengan cadangan projek pencernaan anaerobik di Jalan Memanda 27, Taman Dato Ahmad Razali.

Projek berkenaan melibatkan proses penguraian bahan organik menggunakan bakteria. Proses biologi ini menghasilkan gas, terutamanya gas metana dan karbon dioksida. Gas ini sangat tidak baik untuk

kesihatan. Teknologi ini wujud di negara luar, tetapi mereka tidak menjadikan kawasan berhampiran perumahan dan sekolah sebagai tapak projek.

Malangnya di Malaysia, tapak projek ini betul-betul di sebelah kawasan perumahan seperti kondominium Kojaya (lima meter). Ini melanggar peraturan Jabatan Alam Sekitar yang mensyaratkan zon penampungan 350 meter daripada sumber pencemaran ke sempadan penempatan.

Zon ini juga berdekatan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Ahmad Razali (100 meter), Sekolah Tinggi Islam As-Sofa (150 meter) dan beberapa tadika anak-anak kecil yang bakal mengganggu keselamatan, kesihatan dan pembelajaran anak-anak.

Difahamkan penduduk di kawasan berhampiran sudah menghantar bantahan secara rasmi kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan pihak wakil rakyat.

Dewan Pemuda Ikatan menggesa MPAJ dan wakil rakyat berkenaan mendengar rintihan rakyat marhaen yang mahukan kehidupan selesa. Adakah kepemimpinan PH dan keluarga sanggup tinggal di kawasan yang dipenuhi sisa plastik?

Kira-kira 10,000 penduduk akan terjejas jika projek ini diteruskan. Wakil rakyat yang dipilih bakal kehilangan 10,000 sokongan jika hal ini tidak ditangani dengan adil.

SHAHIR ADNAN
Ketua Pemuda Ikatan



PROJEK penguraian bahan organik menggunakan bakteria terletak terlalu dekat dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Ahmad Razali, Ampang, Selangor. - GAMBAR MEDIA SOSIAL

LAMPIRAN 6 UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 17 TARIKH: 25 MEI 2019 (SABTU)

Pejuang rakyat, alam sekitar

SAUDARA PENGARANG,

S. M. MOHAMED IDRIS yang menerajui Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) sebagai Presiden ialah seorang individu yang lain daripada orang lain dan sangat luar biasa. Pemergiannya pada 17 Mei lalu bermakna berlalunya satu era.

Beliau mempunyai minda luar biasa dan tidak pernah puas dengan maklumat yang diterima berhubung semua isu, daripada yang kecil hingga besar.

Beliau boleh memproses dan melakukan sintesis (kesimpulan umum) semua maklumat dan melihat hubungan antaranya serta kemudian menterjemahnya dalam bentuk tindakan konkrit yang perlu diambil.

Walaupun keluarga dan rakan-rakan memberitahunya supaya mengambil mudah dengan hidup terutama ketika usianya sudah mencecah 93 tahun, beliau tetap dengan semangat untuk memperbetulkan yang salah dalam komuniti tempatan, negara dan dunia.

Beliau tidak boleh menahan diri apabila membaca berita mengenai kanak-kanak yang kelaparan ketika pada masa sama begitu banyak makanan dibazirkan. Beliau amat marah dengan tindakan pihak yang menebang pokok sama ada di tengah kota atau di dalam hutan.

Beliau tidak tahan apabila mendapati rakyat Malaysia diancam makanan tidak selamat, pekerjaan berbahaya, kemalangan jalan raya dan udara tercemar, sedangkan semua itu boleh dicegah.

Aduan menjadi slogan paling popular CAP yang ditubuh dan dipimpinnya sejak 1970. Jika anda ditipu, rumah dibeli retak, tempat kerja membahayakan kesihatan; jangan biarkan sahaja atau merungut kepada diri sendiri. Buat aduan rasmi, gerakkan rakan-rakan dan jiran-jiran, tegaskan hak anda dan lawan balik!

Falsafah yang diperkenalkan Mohamed Idris ini yang menjadi panduan CAP. Beliau mengubah objektif biasa persatuan pengguna yang selalunya memberi tumpuan kepada isu tradisi seperti kereta manakah yang perlu dibeli, kepada perjuangan untuk memastikan keperluan asas rakyat seperti makanan, kesihatan, pendidikan dan perumahan dipenuhi oleh kerajaan.

CAP beroperasi dalam keadaan sukar pada awal penubuhannya apabila kerajaan amat sensitif terhadap kritikan awam. Saya masih ingat apabila pulang dari luar negara selepas menamatkan pengajian pada



KERATAN Utusan Malaysia 20 Mei 2019.

"Kita membayar cukai yang membiayai operasi kerajaan. Oleh itu, kita mempunyai hak untuk memberikan pandangan kepada kerajaan bagaimana kementerian dan agensi berperanan dan bagaimana untuk memperbaikinya."

pertengahan 1970-an. Saya membaca *Utusan Konsumer* terbitan CAP dengan gambar muka depan pokok besar dengan akarnya terdedah akibat hakisan di pantai Persiaran Gurney, Georgetown dengan tajuk utamanya, *The death of Penang's trees*. "Awak tidak takutkah akan ditangkap dan CAP ditutup?" Saya tanya Mohamed Idris. Dia menjawab: "Kita hanya perlu mendedahkan masalah ini."

Ketika itu rakyat Malaysia takut untuk bersuara dan media massa dikawal. Bagi beliau, CAP perlu memainkan peranan sebagai suara pengguna ketika tiada siapa yang sanggup untuk berbuat demikian.

Ungkapan yang sering disebut oleh beliau adalah: "Kita membayar cukai yang membiayai operasi kerajaan. Oleh itu, kita mempunyai hak untuk memberikan pandangan kepada kerajaan bagaimana kementerian dan agensi berperanan dan bagaimana untuk memperbaikinya."

Alam sekitar menjadi keutamaan besar bagi Mohamed Idris sehingga mengambil inisiatif untuk menubuhkan satu lagi pertubuhan untuk menanganinya. Dengan itu, lahirlah Sahabat Alam Malaysia (SAM) yang juga dipimpin olehnya selama 40 tahun.

Pada awal 1980-an, Mohamed Idris berbincang dengan kami mengenai betapa perlunya untuk mengembangkan usaha CAP ke peringkat antarabangsa memandangkan sumber kepada banyak masalah terletak dalam sistem global.

Jadi persidangan CAP pada 1984 adalah mengenai krisis pembangunan dalam Dunia Ketiga. pakar, wartawan dan aktivis dari seluruh dunia turut mengambil bahagian.

Mereka menggesa CAP menubuhkan satu rangkaian untuk menangani masalah dihadapi negara membangun dalam sistem dunia yang tidak seimbang. Oleh itu, tertubuhlah Third World Network.

Mohamed Idris amat terkenal di peringkat antarabangsa. Apabila saya mengunjungi pejabat ikon pengguna Amerika Syarikat yang terkenal, Ralph Nader dan berkata saya mendapat penghormatan untuk bertemuinya, dia mengejutkan saya dengan berkata: "Penghormatan itu untuk saya. Saya mendengar semua mengenai Mohamed Idris dan CAP. Beliau adalah pejuang hak pengguna dunia."

Mohamed Idris jauh ke hadapan dalam banyak isu. Beliau memulakan kempen anti gula tiga dekad lalu apabila amat sedikit mengetahui akan bahaya pengambilan gula berlebihan.

CAP juga membawa isu perubahan iklim, lama sebelum kerajaan mengakuinya sebagai ancaman terbesar kepada kelangsungan hidup di dunia.

Banyak undang-undang telah ditukar atau diwujudkan disebabkan oleh memorandum dan perbincangan Mohamed Idris dengan pelbagai menteri dan pegawai kerajaan.

Dan banyak projek yang dirancang dan dilihatnya sebagai membazir atau merosakkan kepentingan rakyat atau alam sekitar telah dibatalkan atau diubah suai.

MARTIN KHOR
Setiausaha Kehormat CAP

LAMPIRAN 7
NEW STRAITS TIMES (OPINION): MUKA SURAT 47
TARIKH: 25 MEI 2019 (SABTU)



IZWAN ISMAIL

INDUSTRY 4.0

HERE'S HOW WE KEEP OUR JOBS WHEN ROBOTS TAKE OVER

Emphasis will be on reskilling as we embrace a world that's technology driven

TECHNOLOGY, despite its many advantages, is seen as a threat by some of us. I'm sure the thought of intelligent machines taking over some of the jobs that we do now have come across our minds at one point or another.

At a recent Semicon Southeast Asia exhibition in Kuala Lumpur, I got to see what new technology can do and its effect on workers and companies. The exhibition, which showcases the concept and workings of smart manufacturing, gives an idea of how we (humans) are moving forward together with technology advancement into the next era of manufacturing.

As machines are now able to be fed with data and have artificial intelligence built in them, they can now perform what humans could do before. The production lines in a factory, for example, are replaced with robotic arms with less humans on the production floor. The machines or robots are doing repetitive tasks, which were once performed by humans, and they can operate around the clock with almost zero error. On the floor, there are robots that move around collecting the completed tasks or products and bring them to another place for another process.

These are all possible now with the power of the Internet of Things (IoT), computers, data and cloud computing. For manufacturers, this move will increase their production capability with better quality of product finishing, while saving on costs in the long term. Besides that, the handling of sensitive and expensive components can also be done in a safer manner.

According to market research company IDC, worldwide technology spending on the IoT is ex-



An employee using augmented reality to inspect a machine. The market for Industry 4.0 products and services is expected to grow to US\$310 billion by 2023. PIC BY IZWAN ISMAIL

pected to reach US\$1.2 trillion (RM5.03 trillion) in 2022, and from a total spending perspective, discrete manufacturing and transportation will each exceed US\$150 billion in spending in 2022, making these the two largest industries for IoT spending.

(Discrete manufacturing is an industry term for the manufacturing of finished products that are distinct items capable of being easily counted, touched or seen, such as cars, furniture, toys, smartphones and airplanes.)

The market for the Fourth Industrial Revolution (4IR) products and services is also expected to grow to US\$310 billion by 2023. This forecast is based on six core building blocks (hardware, connectivity, cloud platform and analytics, applications, cybersecurity and system integration) and six supporting technologies (additive manufacturing — 3D printing, augmented and virtual reality, collaborative robots, connected machine vision, drones/unmanned aerial vehicle (UAVs) and self-driving vehicles).

This signals that there will be a lot of investment coming from the manufacturing industry as it

moves forward. However, for the people who work at the assembly line, the thought or fear of being jobless may cross their mind. Take comfort though, that it will not be as some had imagined.

Many experts believe that this will just be a shift in the manufacturing landscape. Whether we like it or not, machines (as they get "smarter" and more connected) will take over some of the jobs someday. This is why the reskilling of workers is needed — learning new skills for other jobs in the manufacturing process. On the bright side, this could mean better incomes and higher standard of living for the workers as they move up the value chain.

New skills are needed to do the new job scope given birth by the adoption of machines and robots. If we look back to when the banking industry first introduced automated teller machines (ATMs) in the 1970s, many thought the concept of withdrawing money from a hole in the wall would end the job of bank tellers, and they would be jobless.

But instead, people got reskilled to do new jobs in the bank — the ATM revolution gave birth to new opportunities and the self-

banking culture.

And today with digital revolution taking over the banking system, people are gaining more benefits from this transformation and the banks have the opportunities to roll out new things and services such as mobile apps, electronic bill payment and online products. This has also resulted in jobs in these new areas of banking services.

Machines taking over some of our jobs? Yes, some mundane and repetitive jobs will cease to exist, but there will be new jobs — just like in the banking industry.

As humans, we are excellent at surviving and adapting to changes and there's no better time than now to embrace 4IR along with its challenges. Innovation will make us more productive. Despite the machines being "clever" and efficient and being able to do things we used to do, their existence opens up a new horizon for us.

The writer is Tech Editor of 'The New Straits Times' and has 25 years of experience covering and writing technology stuff in the consumer, enterprise and emerging technology space


Machines taking over some of our jobs? Yes, some mundane and repetitive jobs will cease to exist, but there will be new jobs — just like in the banking industry.

LAMPIRAN 8
NEW STRAITS TIMES (OPINION): MUKA SURAT 47
TARIKH: 25 MEI 2019 (SABTU)

MITIGATING WEATHER

BUSINESSES PLAY BIG ROLE IN FIGHTING CLIMATE CHANGE

The Malaysian Chapter of the Climate Governance Initiative strives to achieve the national climate agenda, writes **DATIN SERI SUNITA RAJAKUMAR**



As a first step towards climate neutrality and resilience, public-listed companies should take steps by measuring and disclosing greenhouse gas emissions, energy use, water use and waste management.

CLIMATE change will affect all of us. There is overwhelming scientific evidence of climate change and that human activity is largely responsible for this change through emissions of greenhouse gases.

It is also widely accepted that climate change will damage economies, devastate populations, deplete resources and dramatically impact the cost of doing business.

We are alive only because the environment or ecosystem is providing us a service.

Presently, we largely take this for granted and are not able to fully or fairly value this.

It is of course difficult to constantly weigh the impact our household purchasing decisions can have on the climate.

But our attitude extends to companies, where discussions revolve around measures, metrics and results that are within our control, and this results in short-term thinking.

The company, a vehicle for limited liability, is arguably the single largest creator of wealth in the history of mankind.

But somehow, as the human actors who are bringing to life this virtual concept of a limited liability company, in this particular situation, we sometimes forget or ignore that our actions have long-lasting consequences well beyond the perimeter of the business.

We have seen international movements protest against environmental and ecological destruction, demanding action arising from predictions that humans face an existential threat, with plans to establish a citizens' assembly to devise an emergency plan of action.

Teenage climate activist Greta Thunberg's speech made a profound impact where the president of the European Union declared that the grouping would go towards climate mitigation actions.

Earlier this month, an ominous United Nations report warned that human activity had pushed one million plant and animal species to the brink of extinction.

Recently, we passed a grim milestone: not just the highest concentration of atmospheric carbon dioxide in recorded history, but in all of human history: "we are entering an era never before experienced by humans."

The impact is so great that we are entering a new geological age.

If people understand what is happening, can we create a world with clean air, water and unlimited energy? By carrying on as we are, what values are we sacrificing to create wealth?

There are so many consequences arising from business activities, such as micro-plastics found in every human stool, in the quest for ever-increasing quarterly earnings.

Can we view this as an opportunity to articulate the value propositions of the business and demonstrate how quality reporting can serve as a proxy to the quality of management's thinking about this challenge to our lives?

Corporate boards are a critical constituency in managing this

risk and also identifying opportunities that can secure business viability in the future.

Decisions made in the boardroom have an outsized impact on our collective ability to limit the global temperature rise to 1.5° that science demands.

In the World Economic Forum 2019 Global Risks Report, a survey of 1,000 top experts rated climate change as the top risk facing society.

This has been called the "Tragedy of the Horizons", where we consider a problem to occur in the long-term horizon but if we don't respond to or mitigate this problem in the near horizon, we won't have any options available to us in the long term.

Boards must be prepared to act as catalysts for change and climate action, both within their operations and as responsible actors in society.

The World Economic Forum launched an initiative on climate change that targeted non-executive directors of boards from the perspective of governance.

The Climate Governance Initiative seeks to bring together non-executive directors in a collaborative network, facilitate their engagement with stakeholders and develop training materials for this purpose.

The principles assist directors in deepening their awareness of the implications of climate change for the businesses and to equip them with skills to play a constructive role as stewards of their companies.

Malaysians demonstrated just over a year ago how they could transition from one normal to a new normal peacefully, maturely and calmly.

We are hoping that with the Climate Governance Initiative in Malaysia, stakeholders can approach this challenge from the perspective of building the board's ability to articulate their value propositions.

This is a journey that requires everyone to play his role.

If there is even one stakeholder who doesn't get it, it can have adverse consequences, resulting in tremendous effort to get us all back on track.

While it is imperative that companies of all sizes take action, public-listed companies are the best placed, with the means and capacity, to lead the change.

As a first step towards climate neutrality and resilience, public-listed companies should take steps by measuring and disclosing at least four key areas: greenhouse gas emissions, energy use, water use and waste management.

The Malaysian Chapter of the Climate Governance Initiative looks forward to being a long-term dialogue and knowledge partner towards achieving our national climate agenda.

The writer is an independent director on boards of listed companies and financial institutions. She believes in good governance as the method of accountability for the stewardship of resources

The initiative seeks to bring together company directors in a collaborative network, facilitate their engagement with multiple stakeholders and develop training materials.

LAMPIRAN 9
 NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 53
 TARIKH: 26 MEI 2019 (AHAD)

FRIDAYS FOR FUTURE

Teens vow to keep up climate strikes

PARIS: Teenagers on the streets here warned governments on Friday there would be no summer let-up in their efforts to push for stronger action on climate change, as international green campaigners called a global strike for Sept 20.

"I should be at school, revising for my French baccalaureat — but I'd rather be here, for my future," said Jules, 17, who only wanted to give his first name.

He and five friends decided to skip school despite end-of-year exams creeping up, to participate in what is thought to have been one of the biggest global climate actions by young people yet, mobilising hundreds of thousands.

Organisers expected strikes and demonstrations to happen in more than 1,600 places in 110

countries — from New Zealand to Syria and Venezuela.

By 1900GMT, nearly 2,500 strikes had been registered on the "Fridays for Future" website, with the number likely to rise.

The students are following in the footsteps of 16-year-old Greta Thunberg, who has been credited with starting the movement.

Forty weeks ago, the Swedish climate activist started skipping school every Friday, to protest climate change outside Stockholm's Parliament, inspiring a large

global strike on March 15, in which an estimated 1.5 million young people took part.

"I think politicians around the world think the movement will fade and that people will stop striking, especially with the summer break coming up," said Laure Miro, 16, striking for the second time here.

"The strikes keep getting bigger, more and more people are getting involved and we are very determined. We're not going to stop here, after all this work.

"Greta spoke out, so we could act," she added.

School strikers said they would kick-start a week of action, starting on Sept 20 with a worldwide strike for the climate, ahead of a key summit on climate change organised by the United Nations secretary-general on Sept. 23.

Bill McKibben, a founding member of global climate campaign 350.org, said adults would join the young people by "walking out of our workplaces and homes". **Reuters**



A student holding a poster taking part in a protest against climate change in Frankfurt Main, Germany, on Friday. EPA PIC

LAMPIRAN 10
THE STAR (STAR WORLD): MUKA SURAT 29
TARIKH: 25 MEI 2019 (SABTU)

Three killed as storms rake Missouri

JEFFERSON CITY (Missouri): An outbreak of nasty storms spawned tornadoes that razed homes, flattened trees and tossed cars across a dealership lot, injuring about two dozen people in Missouri's capital city and killing at least three others elsewhere in the state.

The National Weather Service confirmed that a large and destructive twister moved over Jefferson City shortly before midnight on Wednesday.

Emergency workers reported about two dozen injuries, Williams said, and around 100 of people went to shelters. Hospitals reported treating injuries such as cuts and bruises.

There were no immediate reports of any deaths or missing people in the capital city of about 40,000, and it appeared everyone was accounted for after door-to-door checks that were nearly complete on Thursday evening, police Lt David Williams said.

Many in Jefferson City considered themselves fortunate to survive.

David Surprenant watched the storm approach then rushed to join his family in the basement. By then, the windows had started shattering and the pressure dropped.

"It was just the eeriest sound ever, and it felt like it was taking your breath right out of you," Surprenant, 34, said. He and his family were unharmed.

Kevin Riley operates a car dealer-



Aftermath: Residents carrying a stroller over downed power lines after a tornado tore through Jefferson City, Missouri. — AP

ship next to Surprenant's home, where he sells Chevys and Toyotas. He figured that 98% of the approximately 750 vehicles on the lot were damaged.

Weather forecasters had been tracking the storm before it arrived, and sirens first sounded in Jefferson City at 11.10pm – about 30 minutes

before the first property damage.

Gov Mike Parson credited the warning system for saving lives.

The three deaths happened more than 240km away near Golden City in Missouri's southwestern corner.

Kenneth Harris, 86, and his 83-year-old wife, Opal, were found dead about 180m from their home,

and Betty Berg, 56, was killed and her husband, Mark, seriously injured when their mobile home was destroyed, authorities said.

The National Weather Service said preliminary information indicates the tornado at Jefferson City was an EF-3, which typically carry winds up to 260kph. — AP

LAMPIRAN 11
 BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 81
 TARIKH: 25 MEI 2019 (SABTU)

SpaceX lancar roket bawa 60 satelit kecil

Florida: Syarikat usahawan berteknologi tinggi Elon Musk, SpaceX, melancarkan roket Falcon 9 dari sini, kelmarin dalam misi membawa kumpulan pertama 60 satelit kecil ke orbit rendah Bumi bagi operasi perkhidmatan internet Starlink baharu.

Roket itu dilancarkan dari Stesen Angkasa Lepas Cape Canaveral di sini, kira-kira jam 10.30 pagi waktu tempatan, melakar sejarah penting dalam perniagaan global untuk menambah keuntungan syarikat, terutama cita-cita meluaskan bidang penerokaan angkasa lepas.

Pelancaran itu dilakukan se-

minggu selepas dua misi dibatalkan, satu disebabkan angin kencang di Cape Canaveral dan malam berikutnya bagi mengemas kini perisian satelit dan pemeriksaan sistem.

Beban paling berat

Setiap satu daripada 60 satelit itu seberat 227 kilogram, menjadikannya beban paling berat untuk mana-mana roket SpaceX setakat ini.

SpaceX berkata, ia memerlukan sehari lagi untuk mengetahui jika semua satelit yang dihantar berfungsi dengan baik.

REUTERS



[FOTO AFP]

Fakta
 nombor

227
 KILOGRAM
 jumlah berat
 setiap satelit

Roket Falcon 9
 dilancarkan
 dari Stesen Cape
 Canaveral, kelmarin.

LAMPIRAN 12 NEW STRAITS TIMES (LIVING / PULSE): MUKA SURAT 37 TARIKH: 25 MEI 2019 (SABTU)

On April 30, the Pu'u 'O'o crater on Hawaii's Kilauea volcano suddenly collapsed. It was the starting point for the volcano's months-long eruption, which went on to produce 320,000 Olympic-size swimming pools' worth of lava that transformed the landscape and ultimately destroyed 700 homes.

Now the US Geological Survey's Hawaiian Volcano Observatory and other scientists have published the first detailed summary of this paroxysm. The study, published in the journal *Science*, unspools a timeline of this volcano's most destructive eruption in recorded history and shows that it contained a combination of volcanic events that has seldom been observed.

Thanks to an unparalleled monitoring effort, volcanologists have gained a deeper understanding of America's most hazardous volcano, which may help reveal the secrets of similar volcanoes around the world. What follows is a summary of key volcanic events in Kilauea's 2018 outburst, in the order in which they occurred.

MAY

Kilauea is one of several active volcanoes in Hawaii, the archipelago's largest. Found in the island's southeast corner, it has been erupting continuously since 1983. But by May of this year, a new eruption sequence had commenced, with two focal points: a flank area known as the lower east rift zone, a point where the volcano's surface is gradually splitting apart, and the Halema'uma'u crater to the west at Kilauea's summit.

Christina Neal, the scientist in charge at the Hawaiian Volcano Observatory and the study's lead author, said this confluence of big volcanic events that went on for months meant that this eruption was "truly unprecedented in the modern record." In fact, this was the largest such eruption from this rift zone in the last 200 years.

The collapse in April of the Pu'u 'O'o crater, located in the east rift zone, may have coincided with the breakdown of a subterranean barrier. That could have allowed magma at the site to flow through an established pathway toward the lower east rift zone.

On May 2, the Halema'uma'u summit crater's lava lake — a persistent pool of bubbling lava inside the crater — began to drain and cracks appeared in the rift zone. The next day, the first fissure of many appeared in the Leilani Estates Subdivision and lava began to flow, prompting the evacuation of thousands of residents.

Increased seismic activity at the summit coincided with a magnitude 6.9 temblor beneath the volcano's southern flank on May 4, the largest on the island in over four decades. The shaking most likely resulted from a migration of magma pushing against the southern section of the volcano, which caused a fault to slip. Aftershocks continue to be felt more than seven months later.

By May 10, the lava lake within Halema'uma'u had dropped to around 326 metres below the crater floor as the magma below continuously migrated to the rift zone. As the underlying magmatic foundations of the summit disappeared, the entire crater floor began to subside in what would amount to 62 separate collapse events.

Major summit explosions were recorded on May 15 and 17. The largest since 1924, they produced plumes 3,658m and 9,144m high. This activity was once thought to be driven by groundwater angrily reacting with



Kilauea is one of several active volcanoes in Hawaii, the archipelago's largest.

America's most hazardous volcano

Here's what a volcanic temper tantrum looks like, reveals **Robin George Andrews**, tracing the recent eruptions of Kilauea in Hawaii

draining magma. But Neal said that new data suggests that escaping magmatic gas drove the explosions.

JUNE AND JULY

By the beginning of June, 24 fissures had appeared in the rift zone, with rivers of lava flowing as fast as 99,958 litres per second. More than 55,000 tonnes of sulphur dioxide emissions were emerging each day.

With old, stagnant magma already erupted, deeper magma had emerged. Fluid, packed with dissolved gases and erupting at 1,204 degrees Celsius, it led to spectacularly high fountains of lava emerging from some fissures, topping out at 80m.

On June 2, the largest freshwater lake on the island vaporized in only 90 minutes. A lava delta also formed at Kapoho Bay over the next two months. One fissure, No. 8, gradually became the dominant fissure of the eruption, building a spatter cone 55m high. Kilauea's summit, featuring near-daily collapse events, continued to periodically deflate.

By July, several secondary phenomena

linked to the lava had been observed. Hot updrafts produced by the lava contributed to pyrocumulus clouds and fire whirls. Buried vegetation also began to thermally decompose near flowing lava, releasing methane that burst into eerie blue flames.

Sulphur dioxide emissions regularly mixed with water vapour to produce a suffocating vog. The violent quenching of lava as it met the Pacific Ocean produced laze, a mixture of hydrochloric acid, glass particles and steam.

AUGUST AND SEPTEMBER

On Aug 4, all volcanic activity abruptly declined. Seismic activity at the summit quieted and the rift zone experienced a drastically reduced flow of lava until the last embers were extinguished. Sulphur dioxide emissions had nose-dived. By the time the Hawaii Volcanoes National Park reopened on Sept 22, Kilauea's lava covered 36 square kilometres of the island, and there'd been 500m of vertical collapse at the summit.

Scientists calculated that the collapsed volume lost from the summit roughly

matched that of the amount of lava produced. Kyle Anderson, a geophysicist at the Geological Society's Volcano Science Center and co-author of the study, explained that with each collapse event came a surge of lava production at the rift zone. He said that this meant the summit and lower east rift zone were clearly interlinked in a devilish dance.

THE END, FOR NOW

The Smithsonian Institution's Global Volcanism Program defines an eruption as being over if the volcano hasn't experienced any volcanic activity across three consecutive months. Kilauea's epilogue arrived Dec 6, when the USGS declared that it was "very unlikely" the 2018 eruption at the rift zone would resume.

Magma still exists beneath the summit and rift zone. This means that a future eruption of some kind somewhere on Kilauea is a certainty. Whenever that occurs, scientists and disaster managers will rely on the insights gained from their close study of how the 2018 eruption unfolded to guide their response. **NYT**